

DYNA AMPICILLIN SYRUP

Ampicillin Trihydrate (125mg/5ml, 250mg/5ml)

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Dyna Ampicillin
2. Bagaimana Dyna Ampicillin berfungsi
3. Sebelum menggunakan Dyna Ampicillin
4. Cara menggunakan Dyna Ampicillin
5. Semasa menggunakan Dyna Ampicillin
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Dyna Ampicillin
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Dyna Ampicillin

Digunakan untuk rawatan jangkitan-jangkitan:

1. Jangkitan telinga, hidung dan tekak
2. Jangkitan saluran pernafasan
3. Jangkitan saluran kencing
4. Jangkitan kulit dan tisu lembut
5. Jangkitan Gonorrhoea dan usus

Bagaimana Dyna Ampicillin berfungsi

Ampicillin adalah antibiotik anti bakteria yang menghalang sintesis dinding sel bakteria. Pembahagian sel dan pertumbuhan terhalang dan kematian sel bakteria kerap berlaku.

Sebelum menggunakan Dyna Ampicillin

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan Dyna Ampicillin kepada pesakit yang diketahui hipersensitiviti kepada Penicillin.

Mengandung dan menyusukan anak

Jangan ambil Dyna Ampicillin jika anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung.

Jangan ambil Dyna Ampicillin jika anda sedang menyusukan anak.

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

- Sebelum menggunakan Dyna Ampicillin

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda mempunyai masalah berikut:

- Mempunyai masalah fungsi buah pinggang
- Hipersensitif kepada Penicillin, Cephalosporins atau Penicillamine.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

- Boleh mengurangkan keberkesanan pil mencegah kehamilan oral
- Pengambilan berteusan dengan allopurinol meningkatkan kejadian ruam-ruam.

Beritahu doktor jika anda menggunakan Probenecid, antasid, alkalisng agent dan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan Dyna Ampicillin

- Berapa banyak harus digunakan

Jangkitan saluran pernafasan atau kulit Kanak-kanak 2 – 10 tahun: 125 mg hingga 250 mg setiap 6 jam

Kanak-kanak < 2 tahun: 6.25 mg hingga 125 mg setiap 6 jam

Jangkitan gastrousus atau saluran kencing

Kanak-kanak 2 – 10 tahun: 125 mg hingga 250 mg setiap 6 jam

Kanak-kanak < 2 tahun: 6.25 mg hingga 125 mg setiap 6 jam

Untuk gonorrhoea:

3 g setiap satu dos oral mungkin boleh

diamond dengan 1 g probenecid

Iikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- Bila perlu digunakan

Iikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan mengambil Dyna Ampicillin untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos yang seterusnya,

abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk mengantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Masalah dos berlebihan adalah jarang sekali untuk berlaku.

Semasa menggunakan Dyna Ampicillin

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Dyna Ampicillin

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor dan ahli farmasi anda

Jangan beri Dyna Ampicillin kepada seseorang, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Pengurangan dos diperlukan pada individu dengan fungsi buah pinggang yang terjejas.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Dyna Ampicillin boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Kesan-kesan sampingan Dyna Ampicillin termasuk:

Hipersensitiviti dengan tindak balas alergi seperti ruam kulit sama ada gegata atau ruam, gatal-gatal atau bunyi semasa bernafas.

Gangguan gastrousus seperti abdomen atau perut yang kejang, sakit, kembung,

loya, muntah-muntah dan keradangan pada usus besar.

Demam, peningkatan dahaga, keletihan yang luar biasa atau lemah.
Jangkitan sekunder oleh bakteria dengan penggunaan yang lama.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (*Public → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines*).

Cara penyimpanan dan pelupusan

Dyna Ampicillin

- *Penyimpanan*

Jauhi ubat daripada kanak-kanak
Simpan di tempat kering di bawah 25°C
Goncang sebelum guna

- *Pelupusan*

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara untuk melupuskam ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- *Rupa dan warna produk*

Sirap berwarna putih (kuning apabila dicampur air) dengan perisa strawberi

- *Bahan-bahan kandungan*

- Bahan aktif
Ampicillin Trihydrate

- Bahan-bahan tidak aktif

Dyna Ampicillin 125 mg/ 5 ml
Gula (tumbuk halus), Sodium saccharin, Sodium benzoate, Sodium lauryl sulphate, rhodigel, aerosil, perisa strawberi, kuning (quinoline)

Dyna Ampicillin 250 mg/ 5 ml

Gula (tumbuk halus), Sodium saccharin, Sodium benzoate, Sodium lauryl sulphate, rhodigel, aerosil, perisa strawberi, kuning (quinoline)

- *Nombor MAL*

Dyna Ampicillin 125 mg/ 5 ml
MAL19985980AZ

Dyna Ampicillin 250 mg/ 5 ml
MAL19985979AZ

Pengilang & Pemegang Pendaftaran

Produk

Dynapharm (M) Sdn. Bhd.
2497, Mk 1, Lorong Perusahaan Baru 5,
Kawasan Perusahaan Perai 3, 13600
Perai, Pulau Pinang, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

24/04/2018

Nombor Siri:

NPRA(R4/1)240418/00121